

B. Tukarkan ayat-ayat pasif di bawah kepada ayat aktif.

1. Bola itu ditendangnya dengan kencang sekali ke arah pintu gol pihak lawan.

2. Bola itu tersepak oleh saya ke pintu gol sendiri tetapi terkena tiang gol.

3. Pingat kebesaran dikurniakan baginda sempena keputeraan baginda di istana kepada beliau.

4. Saya telah dihadahi ayah sebuah basikal atas kejayaan dalam peperiksaan yang lalu.

5. Ayah telah saya hadiahi sebuah novel sempena hari jadinya semalam.

6. Pengalaman berkunjung ke luar negara sering diceritakan oleh datuk kepada kami.

7. Teknik penulisan yang betul telah dapat kamu kuasai dengan baik sekali.

8. Pesalah itu telah dijatuhi hukuman yang setimpal dengan kesalahannya oleh hakim.

9. Pencuri itu belum berjaya ditangkap oleh mereka walaupun dengan bantuan orang asli.

10. Kayu api yang keras itu tidak terbelah oleh saya dengan kapak yang tumpul ini.



AYAT MAJMUK

Terdapat tiga jenis ayat majmuk dalam bahasa Melayu, iaitu:

6.4.1

Ayat Majmuk Gabungan

Ayat yang terbentuk hasil daripada penggunaan kata hubung gabungan.

(Rujuk Kata Hubung Gabungan)

Contoh:

(a) Kami akan ke Melaka pada hujung minggu ini.

Kami akan ke Johor pada hujung minggu ini.

= Kami akan ke Melaka *dan* ke Johor pada hujung minggu ini.